



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

LARIAN MAPPA XX 2025 WILAYAH SABAH: LANGKAH CERGAS, JIWA BERPASUKAN: MEMACU PENYAMPAIAN MADANI

KOTA KINABALU, SABAH, 12 Julai 2025: Sejalan dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui INTAN Kampus Sabah menganjurkan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) 2025 Wilayah Sabah sebagai simbol iltizam membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat. Inisiatif ini adalah antara rangkaian program Jelajah MAPPA XX yang mendorong penyertaan aktif masyarakat dalam membina kesihatan insaniah, menyemai semangat perpaduan, serta memperkukuh produktiviti nasional.

Penganjuran Larian MAPPA XX Wilayah Sabah dilaksanakan secara kolaboratif bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, dengan sokongan strategik Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah, Lembaga Sukan Sabah (LSS) serta Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Program ini turut disokong oleh pelbagai penaja korporat termasuk Jetama Sdn Bhd, Sedafiat Sdn Bhd, Borneo Samudera Sdn Bhd, Sabah Softwoods Bhd, MAYORA Group, Bank Simpanan Nasional dan Nestle, sekali gus mencerminkan sinergi kukuh antara sektor awam dan swasta dalam merealisasikan agenda nasional berteraskan nilai-nilai MADANI.

Bagi menyemarakkan lagi penganjuran program dan sinergi perkhidmatan awam dan swasta, kehadiran dan sokongan padu daripada kalangan pemimpin Kerajaan dan Perkhidmatan Awam terhadap usaha memperkasakan kesejahteraan masyarakat amatlah dihargai. Penyertaan yang menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat turut mendapat sambutan dan sokongan daripada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah yang telah menyempurnakan pelepasan para peserta larian.

AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT

Larian MAPPA XX 2025 Wilayah Sabah yang berlangsung di Stadium Likas, Kompleks Sukan Kota Kinabalu merupakan siri jelajah keempat selepas Kuantan, Pahang, Batu Kawan, Pulau Pinang dan Kuching, Sarawak. Program larian ini dengan penyertaan sebanyak 2,500 peserta, merangkumi warga perkhidmatan awam dan masyarakat dari seluruh pelosok Sabah.

Program larian bermula pada jam 7.30 malam, dengan pelepasan rasmi oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, untuk dua kategori larian iaitu 5KM dan 10KM.

Program ini mencerminkan komitmen bersama bahawa budaya hidup sihat adalah tanggungjawab kolektif yang merentas jabatan dan komuniti. Ia selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kesejahteraan dan kebersamaan. Lebih daripada sekadar acara riadah, Larian MAPPA XX menjadi simbol iltizam pegawai awam dan masyarakat untuk kekal sihat, aktif dan cergas demi masa depan negara yang lebih mampan.

SINERGI SATU PASUKAN

Penganjuran program ini secara kolaboratif bersama Kerajaan Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah serta rakan strategik dan penaja mencerminkan sinergi kukuh pelbagai pihak. Usaha bersama ini memperteguh komitmen memperkasa kesejahteraan dan gaya hidup sihat, selaras dengan aspirasi untuk menyampaikan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti dan berimpak tinggi.

Di samping acara larian, pelbagai aktiviti seperti pameran reruai yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan turut dianjurkan bersempena dengan Program Larian MAPPA XX 2025 Wilayah Sabah. Antara pempamer yang terlibat termasuklah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sabah, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sabah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Jabatan Akauntan Negara, Negeri Sabah, PERKESO, APEL Q, City University dan Open University Malaysia (OUM). Program Jualan Rahmah MADANI (bergerak) turut diadakan sempena program larian ini bagi memberi peluang para peserta mendapatkan barangan keperluan harian dengan tawaran diskaun istimewa. Pengisian program seperti ini dapat membuka ruang keterlibatan secara terus antara rakyat dan institusi kerajaan secara lebih terbuka dan komprehensif.

IMPAK LARIAN MAPPA XX 2025 WILAYAH SABAH

Larian MAPPA XX 2025 Wilayah Sabah bukan sekadar sebuah acara riadah, sebaliknya merupakan platform strategik yang menyatukan pelbagai agensi kerajaan dan pemain industri dalam menjayakan agenda nasional ke arah masyarakat sihat dan sejahtera. Penganjuran program ini bukan hanya menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan pegawai awam dan masyarakat, malah menjadi ruang advokasi yang mendorong perubahan tingkah laku ke arah kesejahteraan menyeluruh.

Sinergi yang terbina melalui pelaksanaan secara kolaboratif merentas sektor memperkukuh hubungan strategik antara institusi awam dan swasta. Ia juga memperlihatkan kesepaduan usaha pelbagai pihak dalam mendukung nilai-nilai Malaysia MADANI, khususnya kebersamaan, kecekapan dan keprihatinan demi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif, inklusif dan berimpak tinggi kepada rakyat.

Program ini turut menjadi pemangkin kepada pengukuhan jaringan kerjasama antara agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri serta sektor swasta dalam memastikan komitmen berterusan ke arah kemampanan pembangunan negara melalui pendekatan kesihatan insaniah dan semangat perpaduan nasional.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 12 Julai 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (17)